



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
AHAD 20 OGOS 2023**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	BOT NELAYAN LANGGAR SYARAT DITAHAN JABATAN PERIKANAN, SH -ONLINE	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
2.	ANAK MUDA ANTARA 10 RPKP TERIMA BANTUAN PERALATAN FAMA, SUARA MERDEKA -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
3.	WHY VEGGIE PRICES GO UP AND DOWN (POLL INSIDE), THE STAR -ONLINE	
4.	LEBIH 7,000 PESAWAH KADA AKAN NIKMAT SSHP, BH ONLINE	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/8/2023	SINAR HARIAN	ONLINE	

## Bot nelayan langgar syarat ditahan Jabatan Perikanan



Pegawai Jabatan Perikanan yang menjalankan rondaan menahan sebuah bot pukot tunda di Kepulauan Sembilan, Pulau Pangkor. - Foto: Jabatan Perikanan Perak

LUMUT - Jabatan Perikanan Perak menahan sebuah bot tunda B1 yang melanggar syarat dengan melakukan aktiviti perikanan pada jarak 2.4 batu nautika dari Pulau Buluh, Kepulauan Sembilan, Pulau Pangkor dekat sini

pada Sabtu.

Ketua pangkalan MSC, Cawangan Konservasi dan Perlindungan Perikanan Kampung Aceh, Mohd Sharifuddin Abdul Manan berkata, bot itu dikesan menjalankan aktiviti menunda oleh pasukan anggota MCS yang menjalankan rondaan sekitar jam 12.30 tengah hari.

Menurut beliau, lima kru warga Myanmar berusia 40 hingga 60 tahun turut ditahan kerana tidak memiliki dokumen perjalanan yang sah.

"Hasil pemeriksaan mendapati vesel berkenaan menangkap ikan dengan menggunakan pukot tunda kurang dari 8 batu nautika, saiz mata kurang di bahagian keroncong kurang daripada 38 milimeter dan menggunakan alat radio komunikasi tanpa kebenaran.

"Selain itu, bot berkenaan tidak diusahakan sendiri sebaliknya menggunakan kru asing tanpa kebenaran, tidak mengaktifkan alat Sistem Pengesanan Automatik (AIS) di laut dan kod zon rumah kemudi tidak mengikut spesifikasi," katanya dalam satu kenyataan pada Ahad.



Sebuah bot nelayan tempatan ditahan selepas didapati menjalankan aktiviti perikanan menggunakan pukot tunda kurang dari 8 batu nautika di Kepulauan Sembilan, Pulau Pangkor pada Sabtu. - Foto: Jabatan Perikanan Perak

Mohd Sharifuddin berkata, kesemua peralatan termasuk bot bernilai RM500,000 disita dan dibawa ke Pangkalan Konservasi dan Perlindungan Perikanan, Kampung Aceh di sini

untuk siasatan.

Tambahnya, siasatan dijalankan mengikut Seksyen 8(b) Akta Perikanan 1985.

"Aktiviti menunda kurang daripada batu nautika bukan sahaja mengakibatkan anak-anak ikan dan hidupan lain terperangkap dipukat, namun ia sekaligus merosakkan habitat semula jadi pembiakan ikan itu sendiri.



Pegawai Jabatan Perikanan yang menjalankan rondaan menahan sebuah bot pukat tunda di Kepulauan Sembilan, Pulau Pangkor. - Foto: Jabatan Perikanan Perak

"Jabatan Perikanan Malaysia memandang serius akan isu dan kesalahan yang melibatkan pelanggaran Akta Perikanan 1985 dan akan terus mempergiatkan aktiviti rondaan bagi memastikan

sumber perikanan negara terjaga dan terpelihara," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/8/2023	SUARA MERDEKA	ONLINE	

## Anak muda antara 10 RPKP terima bantuan peralatan FAMA

Seorang anak muda berusia 25 tahun antara 10 Rakan Pemasar Kontrak Pemasaran ( RPKP) dipilih menerima bantuan peralatan lepas tuai bernilai RM10,000 oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Perlis.

Bantuan peralatan ini berupa khemah, bakul, penimbang dan kereta sorong ini bernilai RM1,000.



Shahrizan (dua dari kanan) semasa menyampaikan bantuan peralatan lepas tuai kepada salah seorang penerima di PPL Taman Pauh Indah, Pauh, Arau, Perlis.

Ia disampaikan oleh Pengarah FAMA, Shahrizan Mansor di Pusat Pengumpulan Ladang (PPL) Taman Pauh Indah, Pauh, Arau, Perlis.

Muhammad Aizat Sebri, 25 dari Kampung Baru, Lubok Machang, Chuping amat menghargai bantuan FAMA ini.

“Ia sebagai pemberi semangat untuk saya lebih yakin bahawa bidang pertanian mempunyai masa depan yang cerah kepada orang muda seperti saya,” katanya.

Katanya, minat dalam pertanian tercetus apabila terlibat membantu saudaranya di pasar tani semasa berhijrah ke Selangor beberapa tahun lalu,” katanya.



Muhammad Aizat

Muhammad Aizat berkata, telah dua tahun beliau mengusahakan tanaman jagung dan juga juga bendi.

Beliau yang menyewa tanah bagi tujuan pertanian itu mengakui mendapat sokongan sepenuhnya daripada ibu bapa.

Katanya, dengan adanya Pusat Pengumpulan Ladang (PPL) di Taman Pauh Indah ini juga memudahkan petani untuk memasarkan hasil.

Sementara itu, Shahrizan Mansor memberitahu, FAMA sentiasa memastikan petani Ladang Kontrak terus mengeluarkan hasil serta memasarkannya secara berterusan.

Katanya sehingga kini terdapat 400 petani yang terlibat dalam ladang kontrak di Perlis.

“Kita mengalu-alukan jika ada petani yang berminat menyertainya boleh menghubungi pihak FAMA,” katanya kepada Suara Merdeka.

Shahrizan berkata, sehingga kini terdapat 10 PPL di seluruh Perlis.

“Tujuh hanya beroperasi semasa musim mangga Harumanis,” katanya.

Beliau berkata, tiga PPL iaitu di Taman Pauh Indah, Sungai Baru dan Simpang Empat ini khusus bagi pemasaran buah dan sayur. – SM

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/8/2023	THE STAR	ONLINE	

## Why veggie prices go up and down (Poll Inside)



**To market, to market: Consumers buying vegetables at a pasar malam. – SHAARI CHEMAT / THE STAR**

PETALING JAYA: Prices of vegetables fluctuate depending on how much is reaped from farms. Market forces decide too.

“It is normal for prices to increase and decrease in an open economy,” said Fuziah Salleh.

“They are based on demand and supply.

“However, despite the fluctuations, prices of vegetables have generally been stable,” added the Deputy Minister of Domestic Trade and Cost of Living.

Fuziah said that consumers should refer to the ministry’s price checker application known as Price Catcher to get the best deals.

“The ministry has more than 2,000 enforcement officers nationwide to check on prices daily,” she said when contacted.

According to the Federal Agricultural Marketing Authority’s price index, the market price for one kilogramme of tomato fluctuated between RM6 and RM8 between Aug 14 and Aug 19. The prices of mustard greens (sawi) fluctuated between RM4 and RM7.50 during the same period, whereas the prices of cucumber hovered between RM3 and RM5.

Concurring with Fuziah, Malaysia Federation of Vegetable Farmers Association president Lim Ser Kwee said the prices of vegetables were generally determined based on several factors, including environmental, supply and demand, as well as imports.

“The prices of certain vegetables can fluctuate based on the supply and demand.

“If there is not enough cucumber in the market, the prices go up. But once the stock is available, prices will normalise again,” he said.

The weather plays a huge factor, too, he said. “If the weather is fine and there is a good harvest, prices remain stable.

“But if it rains for a week, the prices will likely increase,” explained Lim.

Data from the Agriculture Department shows that Malaysia is producing more fruits and vegetables, with tomatoes topping the vegetables farmed in the country. These are followed by mustard greens and cucumber.

Consumers Association of Penang (CAP) education officer NV Subbarow said it was common for prices of vegetables to rise and fall.

“Consumers are not really complaining about vegetables,” he said.

Subbarow, however, noted that the prices of local fruits such as papaya and banana had increased.

The prices are high nowadays,” he said. “One piece of cut papaya fruit is being sold for RM2 now. It used to be RM1,” he added.

“The price of bananas also went up. It’s RM1 for one banana,” he said.

There is no control over the prices of fruits. Mangosteens were sold for RM6 a kg, but it is now RM10.

“How do you expect consumers to buy local fruits?” Subbarow asked. “Apples are sold for RM1 each,” he said. “Consumers can cut one apple into six pieces, but they can’t do that with bananas.”

He added that there was a trend whereby cut fruits were sold in plastic containers for anywhere between RM2.50 to RM5.

“We don’t see much fruit in the market now,” he said. “Some traders complained that they don’t receive enough from wholesalers.”

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/8/2023	BERITA HARIAN	ONLINE	

## Lebih 7,000 pesawah KADA akan nikmati SSHP



Mohammad (tengah) bersama kakitangan KADA pada Majlis Pra Sambutan Kemerdekaan Peringkat Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu di Ibu Pejabat KADA hari ini. -

KOTA BHARU: Lebih 7,000 pesawah di bawah Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA)

akan menikmati Skim Subsidi Harga Padi (SSHP) dalam masa terdekat.

Pengerusinya, Mohammad Husain, berkata kesemua pesawah di bawah KADA akan menerima bayaran berkenaan dengan jumlah peruntukan lebih RM3.5 juta.

Katanya, SSHP meringankan beban pesawah berikutan mereka akan menikmati kenaikan dari RM360 kepada RM500 bagi setiap tan.

"Purata keluaran padi yang diperoleh oleh pesawah di bawah KADA adalah sebanyak 4.5 tan bagi setiap hektar pada tahun lalu.

"Justeru, kesemua petani ini akan menikmati SSHP lebih RM3.5 juta. Bayaran ini akan masuk terus ke akaun bank pesawah yang berdaftar di bawah KADA secara berperingkat. Dengan adanya bantuan ini ia membolehkan pesawah menarik nafas lega," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas Pra Sambutan Kemerdekaan Peringkat Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu di ibu pejabat KADA di sini, hari ini.

Sebelum ini, media melaporkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan kenaikan kadar SSHP daripada RM360 kepada RM500 bagi setiap tan berkuat kuasa 9 Ogos lalu.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menerusi Bahagian Pembangunan Industri Padi (BPIP) berkata, pemantauan dan penguatkuasaan dibuat terhadap pemeriksaan alat timbangan di kilang dan pusat belian padi mengikut Akta Timbang dan Sukat 1972 melalui kolaborasi strategik KPB bersama Bahagian

Penguat kuasa, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

Katanya, pembayaran SSHP dibuat selepas mengambil kira berat bersih padi selepas pemutuan sebenar padi dilakukan.

Dalam perkembangan sama, Mohammad berkata, pesawah KADA menggunakan enam jenis benih padi yang mampu memberi hasil tanaman baik kepada petani.



Beliau berkata, antara varieti benih itu termasuk MR297, MR220 CL2 dan MR303 yang digunakan sejak beberapa tahun lalu dan menghasilkan tanaman yang baik kerana dapat bertahan daripada penyakit dan serangga perosak.